

**SULIT**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA,  
PARLIMEN KETIGA BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN  
[KOTA BHARU - PAS]**

**TARIKH : 27 MAC 2017 ( ISNIN )**

**SOALAN NO. 34**

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah sasaran pencapaian atlet-atlet negara dalam Temasya Sukan SEA Kuala Lumpur 2017.

**SULIT**

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Belia dan Sukan (KBS) telah meletakkan sasaran untuk dinobatkan sebagai juara keseluruhan temasya Sukan SEA Kuala Lumpur 2017 mengatasi negara-negara terkuat Asia Tenggara seperti Thailand, Vietnam, Indonesia dan Singapura.
2. Sebagai persediaan, KBS melalui Majlis Sukan Negara (MSN) telah pun melaksanakan **Program KITA JUARA** bermula pada bulan September 2015 lalu iaitu program persediaan atlet ke arah temasya Sukan SEA Kuala Lumpur 2017. Program KITA JUARA ini dilaksanakan dengan memberikan “**empowerment**” kepada **Persatuan Sukan Kebangsaan** serta mewujudkan sebuah Jawatankuasa Kerja MSN-PSK bagi setiap jenis sukan sebagai *kaedah pemantauan program*. Program ini juga akan melalui 3 fasa latihan iaitu **Fasa Pertama** bermula September 2015 sehingga September 2016, **Fasa Kedua** bermula dari Oktober 2016 sehingga Mac 2017 dan **Fasa Ketiga** baru sahaja bermula dari April sehingga Ogos 2017. Sehingga kini, Program KITA JUARA mempunyai seramai **874 atlet dan 133 jurulatih** dari 38 jenis sukan.

Sekian, terima kasih.